

**PENILAIAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN
KERAJAAN TEMPATAN UNTUK PENIAGA KECIL
DI BANDAR BENTONG, PAHANG.**

KRISHNAVENI A/P TAMIL SELVAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2010

**PENILAIAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN KERAJAAN TEMPATAN
UNTUK PENIAGA KECIL DI BANDAR BENTONG, PAHANG.**

OLEH

KRISHNAVENI A/P TAMIL SELVAN

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan (Perancangan & Pengurusan
Pembangunan)**

JUN 2010

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Yang Maha Esa kerana dengan limpah kurnianya saya dapat menyempurnakan penyelidikan saya yang bertajuk “PENILAIAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN KERAJAAN TEMPATAN UNTUK PENIAGA KECIL DI BANDAR BENTONG, PAHANG”.

Setinggi-tinggi terima kasih ditujukan khas kepada Dr Nor Malina Malek, pensyarah, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia selaku penyelia penyelidikan sarjana saya ini. Beliau telah sentiasa meluangkan masa untuk memberi bimbingan, tunjuk ajar dan panduan sepanjang tempoh penyelidikan ini. Di samping itu, saya juga merakamkan penghargaan kepada para pensyarah dan ahli panel penilai yang telah memberi kerjasama dan sokongan dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih diberikan kepada para peniaga kecil terlibat, pegawai-pegawai dan kakitangan MPB, khususnya, Encik Jamiri bin Haji Sainan dari Bahagian Penilaian dan Pengurusan Harta, kerana pertolongan yang tidak ternilai. Akhir sekali jutaan terima kasih kepada ahli keluarga dan rakan-rakan atas segala dorongan dan galakan membina yang diberikan dalam usaha menjayakan penyelidikan ini. Segala pertolongan dan sumbangan amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	iii
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xii
Senarai Foto	xiii
Senarai Singkatan Kata	xiv
Abstrak	xv
Abstract	xvi
BAB 1 – PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Latar Belakang Kajian	2
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	10
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Definisi Operasional Kajian	12
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.7 Skop dan Batasan Kajian	15
1.8 Reka Bentuk Kajian	16
1.9 Organisasi Tesis	18
BAB 2 – SOROTAN KARYA	21
2.1 Pengenalan	21
2.2 Definisi dan Konsep Pembangunan	21

2.2.1 Pembangunan Sosioekonomi	26
2.2.2 Pembangunan Bandar	30
2.2.3 Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Bandar	37
2.2.4 Dasar Perbandaran Negara (DPN)	45
2.2.5 Sektor Tidak Formal	48
2.2.6 Kepentingan Sektor Tidak Formal dalam Ekonomi Bandar	55
2.3 Kerajaan Tempatan di Malaysia	57
2.3.1 Definisi dan Konsep Kerajaan Tempatan	57
2.4 Kajian-kajian Lepas	61
2.4.1 Peranan PBT dalam Perancangan dan Pembangunan Bandar	63
2.4.2 Peranan Kerajaan Tempatan dalam Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Bandar	65
2.5 Kesimpulan	71
BAB 3 – LATAR BELAKANG BANDAR BENTONG, PAHANG	73
3.1 Pengenalan	73
3.2 Objektif Pembentukan Kerajaan Tempatan	73
3.2.1 Perpaduan Negara	74
3.2.2 Asas-asas Demokrasi	74
3.2.3 Kebebasan Autonomi Tempatan	75
3.2.4 Kecekapan	75
3.3 Latar Belakang dan Sejarah Kerajaan Tempatan di Malaysia	76
3.3.1 Sistem Kerajaan Tempatan di Malaysia	78

3.3.2 Fungsi Kerajaan Tempatan di Malaysia	79
3.3.2.1 Perkhidmatan	79
3.3.2.2 Perwakilan	80
3.3.2.3 Penyelaras	80
3.3.2.4 Perkembangan	81
3.3.2.5 Penyelarasan dan Perancangan	82
3.4 Latar Belakang Bandar Bentong	82
3.4.1 Profil Majlis Perbandaran Bentong (MPB)	91
3.4.2 Fungsi dan Tugas MPB	96
3.5 Peranan MPB dan Perniagaan Secara Kecil-kecilan	97
3.6 Tinjauan Terhadap Penyediaan Ruang Perniagaan oleh Kerajaan Tempatan	99
3.7 Kesimpulan	105
BAB 4 – KAEDAH PENYELIDIKAN	106
4.1 Pengenalan	106
4.2 Kaedah Pengutipan Data	106
4.3 Sumber Data	107
4.3.1 Data Sekunder	107
4.3.2 Data Primer	108
4.4 Kaedah Pengumpulan Data	108
4.4.1 Data Sekunder – Penyelidikan Perpustakaan	109
4.4.2 Data Primer – Temu Bual, Soal Selidik dan Teknik Pemerhatian	109
4.5 Responden Kajian	113
4.5.1 Pensampelan	113

4.5.2 Teknik Pensampelan	113
4.5.3 Profil Responden	116
4.5.4 Kajian Rintis	118
4.6 Kaedah Analisis Data	120
4.6.1 Analisis Data	121
4.7 Kesimpulan	123
BAB 5 – PERSEPSI PENIAGA KECIL TERHADAP MAJLIS PERBANDARAN BENTONG (MPB)	124
5.1 Pengenalan	124
5.2 Profil Demografi dan Latar Belakang Perniagaan Responden	124
5.2.1 Jantina dan Etnik	125
5.2.2 Umur dan Status Perkahwinan	126
5.2.3 Taraf Pendidikan	127
5.2.4 Tempat Lahir	129
5.2.5 Status Perniagaan	130
5.2.6 Jenis Gerai	130
5.2.7 Bentuk Pemilikan Perniagaan	131
5.2.8 Tempoh Permulaan Perniagaan	131
5.2.9 Modal Permulaan Perniagaan	132
5.2.10 Sumber Modal Perniagaan	133
5.2.11 Jumlah Pendapatan	134
5.2.12 Jenis Jualan atau Produk	136
5.2.13 Lokasi Gerai	137
5.2.14 Tempat Berniaga dan Jumlah Pendapatan Sebelum Menyewa Gerai MPB	139

5.3 Persepsi Responden Terhadap Perkhidmatan MPB	139
5.3.1 Analisis Persepsi Responden Terhadap Perkhidmatan MPB	145
5.3.1.1 Khidmat Nasihat dan Kaunseling	146
5.3.1.2 Seminar atau Kursus Perniagaan	147
5.3.1.4 Penguatkuasaan Undang-undang atau Peraturan MPB	148
5.3.1.5 Penyediaan Infrastruktur untuk Orang Kelainan Upaya (OKU)	150
5.3.2 Analisis Tahap Kepuasan Responden Terhadap Struktur Gerai, Kemudahan atau Perkhidmatan daripada MPB	151
5.4 Persepsi Responden Terhadap Gerai MPB	155
5.4.1 Kesan Penyewaan Gerai Terhadap Tahap Ekonomi	156
5.4.2 Pendapat Responden tentang Gerai MPB	157
5.4.3 Keperluan MPB Menambahkan Bilangan Gerai	159
5.4.4 Bilangan Gerai Sedia Ada	161
5.4.5 Analisis Masalah-masalah Responden	163
5.4.5.1 Strategi Penyediaan Gerai Berdasarkan Sistem Kuota	164
5.4.5.2 Masalah Berkaitan dengan Penyediaan Gerai MPB	166
5.4.5.3 Pendapat Responden tentang Gerai MPB yang dibiarkan Kosong	171
5.4.5.4 Pengurusan dan Penyelenggaraan Gerai oleh MPB	174
5.4.5.5 Halangan dan Cabaran bagi Responden	175
5.4.5.5.1 Masalah-masalah Lain	176

5.4.5.5.2 Kesan Akibat Gerai Terbengkalai atau Terbiar	177
5.4.6 Analisis Cadangan Responden	178
5.4.6.1 Aspek yang Perlu diberi Perhatian oleh MPB	179
5.4.6.2 Langkah-langkah Pembaikan	180
BAB 6 – PERSEPSI PEGAWAI –PEGAWAI MAJLIS PERBANDARAN BENTONG (MPB) DAN PEMIMPIN MASYARAKAT	183
6.1 Latar Belakang Responden Temu Bual	183
6.2 Analisis Kemudahan MPB	183
6.3 Analisis Penilaian Terhadap Perkhidmatan MPB	185
6.4 Analisis Langkah-langkah yang diambil oleh MPB	186
6.5 Analisis Persepsi Pemimpin Masyarakat Terhadap Perkhidmatan MPB	189
6.6 Analisis Pandangan Responden tentang Perkhidmatan MPB	190
6.7 Analisis Halangan dan Cabaran MPB	194
6.8 Analisis Perancangan	198
6.9 Kesimpulan	199
BAB 7 – RUMUSAN PENEMUAN UTAMA KAJIAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUT	201
7.1 Pengenalan	201
7.2 Rumusan Penemuan Utama Kajian	202
7.3 Implikasi Kajian	209
7.4 Cadangan Kajian Lanjut	210

Senarai Rujukan

Lampiran

SENARAI JADUAL

	Muka Surat
Jadual 2.1	Arah Indeks Pembangunan Manusia (IPM) 28
Jadual 2.2	Indeks Pembangunan Manusia (IPM) Bagi Tahun 2003 29
Jadual 2.3	Komponen dan Indeks Kualiti Hidup Manusia (IKHM) 2002 39
Jadual 2.4	Indeks Kualiti Hidup Bandar di Malaysia (IKHBM): Indeks Komposit dan Indeks Mengikut Bidang, 1999- 2000 42
Jadual 3.1	Jumlah Penduduk Daerah Bentong 86
Jadual 3.2	Bilangan Penduduk Miskin Berdaftar Bagi Tahun 2007 88
Jadual 3.3	Jenis-jenis Ruang Perniagaan Majlis Perbandaran Bentong 90
Jadual 4.1	Hasil Ujian Kesahihan dan Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik 120
Jadual 5.1	Bilangan Responden Mengikut Etnik dan Jantina 125
Jadual 5.2	Bilangan Responden Mengikut Umur 127
Jadual 5.3	Bilangan Responden Mengikut Julat Tahun Permulaan Perniagaan 132
Jadual 5.4	Bilangan Responden Mengikut Jumlah Pendapatan 135
Jadual 5.5	Hasil Analisis Khi Kuasa Dua antara Jenis Gerai dengan Jumlah Pendapatan 136
Jadual 5.6	Bilangan Responden Mengikut Jenis Jualan 137
Jadual 5.7	Bilangan Responden Mengikut Lokasi Gerai 138
Jadual 5.8	Hasil Analisis Khi Kuasa Dua antara Lokasi Gerai dengan Jumlah Pendapatan 138
Jadual 5.9	Analisis Pendapat Responden Terhadap Perkhidmatan daripada MPB 141

Jadual 5.10	Analisis Jawapan Responden Mengenai Perkhidmatan MPB	146
Jadual 5.11	Tahap Kepuasan Responden Terhadap Struktur Gerai, Kemudahan atau Perkhidmatan daripada MPB	155
Jadual 5.12	Pendapat Responden tentang Gerai MPB	158
Jadual 5.13	Tahap Kepuasan Responden tentang Strategi Penyediaan Gerai	164
Jadual 5.14	Masalah-masalah Berkaitan dengan Penyediaan Gerai MPB	166
Jadual 5.15	Pendapat Responden tentang Gerai MPB yang dibiarkan Kosong	172
Jadual 5.16	Cadangan Responden	179
Jadual 5.17	Cadangan Langkah-langkah Pembaikan	182

SENARAI RAJAH

		Muka Surat
Rajah 1.1	Reka Bentuk Kajian	16
Peta 3.1	Peta Bentong, Pahang	85
Peta 3.2	Kawasan dalam Pentadbiran Majlis Perbandaran Bentong	92
Carta 3.1	Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Bentong	95
Rajah 5.1	Taraf Pendidikan Responden	128
Rajah 5.2	Bilangan Responden Mengikut Tempat Lahir	129
Rajah 5.3	Bilangan Responden Mengikut Jenis Gerai	131
Rajah 5.4	Bilangan Responden Mengikut Julat Modal Permulaan Perniagaan	133
Rajah 5.5	Bilangan Responden Mengikut Sumber Modal Perniagaan	134
Rajah 5.6	Analisis Persepsi Responden Terhadap Gerai MPB	157
Rajah 5.7	Peratusan Pendapat tentang Keperluan MPB Menambahkan Bilangan Gerai	160
Rajah 5.8	Peratusan Pendapat tentang Bilangan Gerai Sedia Ada telah Mencukupi atau Tidak	162
Rajah 5.9	Cadangan Mengatasi Masalah	171
Rajah 5.10	Masalah-masalah Responden	176

SENARAI FOTO

Muka Surat

Foto 5.1	Ruang gerai yang sempit menyebabkan kaki lima gerai turut digunakan sebagai ruang perniagaan	142
Foto 5.2	Pemandangan gerai yang kosong tanpa dihuni disebabkan lokasi gerai tidak strategik	153
Foto 5.3	Pemandangan gerai yang sempit menyebabkan kaki lima gerai digunakan untuk menyusun meja dan kerusi untuk pelanggan menikmati juadah	153
Foto 5.4	Kemudahan asas yang tidak sempurna	154
Foto 5.5	Peniaga kecil bergerak yang mengganggu tempat meletak kenderaan di pusat bandar Bentong	168
Foto 5.6	Pemandangan gerai yang kosong dan terbiar sejak sekian lama	174
Foto 6.1	Pemandangan perniagaan yang dilakukan oleh peniaga kecil haram atau tanpa lesen di luar pasar bandar Bentong	191
Foto 6.2	Kewujudan peniaga kecil haram di luar pasar bandar Bentong	191

SENARAI SINGKATAN KATA

DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DPN	Dasar Perbandaran Negara
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
ECER	East Coast Economic Region
FAMA	Federal Agricultural Marketing Authority
GPS	Gred Purata Sekolah
IDR	Iskandar Development Region
IKFH	Indeks Kualiti Fizikal Hidup
IKHBM	Indeks Kualiti Hidup Bandar di Malaysia
IKHM	Indeks Kualiti Hidup Malaysia
ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
IPM	Indeks Pembangunan Manusia
JAIS	Jabatan Agama Islam
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KEMAS	Pejabat Kemajuan Masyarakat
KNK	Keluaran Negara Kasar
LRT	Sistem Transit Ringan
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MBB	Majlis Bandaran Bentong
MDB	Majlis Daerah Bentong
MNKT	Majlis Negeri Kerajaan Tempatan
MPB	Majlis Perbandaran Bentong
NCER	Northern Corridor Economic Region

OKU	Orang Kelainan Upaya
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PIA	Penyelenggaraan Infrastruktur Asas
PIAS	Projek Infrastruktur Asas
PKNP	Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPKB	Program Pembasmian Kemiskinan Bandar
RM	Rancangan Malaysia
UDA	Perbadanan Pembangunan Bandar
UMNO	United Malays National Organisation
YDP	Yang Dipertua

**PENILAIAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN KERAJAAN TEMPATAN
UNTUK PENIAGA KECIL DI BANDAR BENTONG, PAHANG.**

ABSTRAK

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memainkan peranan yang penting dalam pembangunan bandar. Pemandaran dan pembangunan yang berlaku secara serentak dan drastik menjadi cabaran kepada PBT dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan khususnya berkaitan dengan sektor perniagaan kepada para peniaga kecil di bandar. Usaha-usaha PBT seperti penyediaan ruang perniagaan, pemberian lesen perniagaan serta permit perniagaan amat penting dalam menentukan hala tuju dan peranan peniaga kecil dalam pasaran ekonomi pada masa hadapan. Penilaian terhadap perkhidmatan dan kemudahan PBT untuk peniaga kecil di bandar dapat membantu pihak kerajaan di peringkat tempatan dalam merancang, mengurus serta menyelenggara perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan untuk mewujudkan pembangunan ekonomi setempat. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk meninjau keberkesanan dan strategi yang digunakan oleh PBT, khususnya Majlis Perbandaran Bentong (MPB), dalam penyediaan perkhidmatan dan kemudahan perniagaan kepada peniaga kecil di kawasan kajian.

Analisis kuantitatif dan kualitatif dilakukan terhadap maklumat dan data yang diperoleh daripada sumber primer dan sekunder, iaitu, melalui penggunaan borang soal selidik serta temu bual terhadap pegawai-pegawai MPB dan pemimpin masyarakat. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh para peniaga kecil berkaitan dengan perkhidmatan dan kemudahan perniagaan yang disediakan oleh MPB. Antara masalah tersebut ialah reka bentuk gerai yang kurang sesuai, keluasan gerai yang terhad, kekurangan tempat letak kenderaan serta bekalan air dan lain-lain lagi.

Beberapa cadangan dikemukakan bagi membantu pihak MPB dalam meningkatkan lagi mutu perkhidmatannya. Kajian ini berharap dapat menyumbang maklumat yang berguna dalam isu yang dibincangkan dan menjadi perintis kepada kajian-kajian yang bakal dilakukan dalam tajuk yang sama. Walaupun peniaga kecil merupakan komponen kecil dalam fungsi dan perkembangan bandar, namun peranan PBT dalam menyediakan perkhidmatan dan kemudahan perniagaan untuk mencapai pembangunan sosioekonomi adalah amat penting.

EVALUATION OF LOCAL GOVERNMENT SERVICES AND FACILITIES FOR SMALL SCALE TRADERS IN BENTONG, PAHANG.

ABSTRACT

Local authorities play an important role in urban development. Urbanization and development that occur simultaneously and drastically created many challenges to the local authorities in providing services and facilities especially for the small scale traders in the city. The provision of business spaces, trading licenses and permits are very important in determining the direction and role of small scale traders in the economic market in future. An evaluation of a local authority's services and facilities for small scale traders in the city can help the local government in planning, managing and improving the services and facilities provided to facilitate the local economic development. In addition, this study also aims to investigate the effectiveness and the strategies used by the local authority, particularly the Bentong Municipal Council (MPB), in providing services and facilities to small scale traders in the study area.

Quantitative and qualitative analyse have been done towards the information and data obtained from primary and secondary sources, through survey questionnaires and interviews with MPB officers as well as community leaders. Findings from this research showed that there were some problems faced by the small scale traders in regards to the services and facilities provided by the MPB. Among the problems are design of the stalls, limited stall area, insufficient car parking lots, water supply and others.

Few suggestions have been recommended for the MPB to improve the quality of its services. This study hopes to contribute useful information in these issues and become the pioneer for future studies. Although small scale traders are just a small component in the function and development of the city, the role of local authorities in providing services and facilities for the traders in achieving socioeconomic development is very vital.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Secara umumnya, fungsi kerajaan tempatan kini dilihat lebih tertumpu pada pembangunan yang berorientasikan kepada pembasmian kemiskinan di bandar dan ia dilakukan melalui perkhidmatan dan kemudahan seperti penyediaan gerai, pemberian lesen dan permit perniagaan, penyediaan rumah dan sebagainya. Ini membuktikan bahawa kerajaan tempatan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan bandar secara amnya dan pembangunan sosioekonomi masyarakat setempat secara khususnya. Peningkatan peluang pekerjaan, pembangunan perumahan dan hartanah, perkhidmatan perbandaran seperti kemudahan rekreasi, kebersihan dan kesihatan sering dikaitkan dengan perkembangan bandar dan pembangunan sosioekonomi bagi sesebuah bandar.

Kajian yang berbentuk penerokaan (*eksploratori*) ini cuba mendalami peranan serta keberkesanan kerajaan tempatan dalam konteks penyediaan perkhidmatan dan kemudahan perniagaan kepada masyarakat bandar bagi meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Sehubungan dengan itu, Majlis Perbandaran Bentong (MPB), Pahang dijadikan kajian kes untuk mencapai objektif kajian ini. Bab ini bertujuan menerangkan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian serta susunan bab dalam tesis ini.

1.1.1 Latar Belakang Kajian

Peranan yang dimainkan oleh kerajaan tempatan dalam proses pembangunan negara Malaysia adalah amat besar dan penting sejak negara ini memperoleh kemerdekaan pada tahun 1957. Kerajaan tempatan merupakan kerajaan yang dibentuk di peringkat tempatan yang menjadi saluran utama kepada kerajaan pusat dan kerajaan negeri untuk mengenal pasti keperluan pembangunan di sesuatu kawasan dan seterusnya menyalurkan bantuan dari segi kewangan dan sebagainya untuk tujuan pembangunan. Dahulu, peranan kerajaan tempatan hanya dilihat dari sudut perkhidmatan perbandaran dan kutipan cukai sahaja. Tetapi kini, peranannya telah berkembang meliputi fungsi berorientasikan pembangunan di samping mengekalkan peranan yang sedia ada.

Kemunculan aktiviti perniagaan kecil-kecilan sebagai aktiviti ekonomi yang penting dalam pembangunan sesebuah kawasan tidak dapat dinafikan. Ini disebabkan, perniagaan kecil-kecilan semakin meningkat jumlahnya di bandar mahupun luar bandar serta menjadi penyumbang kepada sumber pendapatan dalam kalangan peniaga kecil. Ini terbukti melalui kajian yang telah dijalankan oleh S.V Sethuraman (1976) di Jakarta yang mana 40 peratus guna tenaga disumbangkan oleh sektor tidak formal, iaitu, perniagaan secara kecil-kecilan. Perniagaan kecil-kecilan seperti perniagaan gerai atau penjajaan merupakan sebahagian aktiviti sektor tidak formal. Kajian Skinner dan Valodia (2003) mendapati bahawa ada polisi kerajaan yang menyokong kewujudan aktiviti tidak formal seperti di Durban, Afrika Selatan. Data yang mereka perolehi jelas menggambarkan keadaan di mana peluang pekerjaan meningkat secara dramatik sejak kewujudan sektor tidak formal walaupun

kerajaan di peringkat tempatan terpaksa menghadapi pelbagai cabaran dalam menyediakan keperluan dan kemudahan bagi sektor tersebut (Skinner & Valodia, 2003).

Pada amnya, aktiviti sektor tidak formal dilihat semakin pupus di negara-negara maju di barat seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Britain. Di negara-negara barat seperti Britain, Mexico dan New Zealand aktiviti perniagaan sektor tidak formal selalu diabaikan, kurang mendapat sokongan dan perhatian, sering dikawal dan kadangkala tidak digalakkan oleh kerajaan (Bromley, 1979a). Hal ini kerana, para peniaga kecil dilihat sebagai penyebab kepada pelbagai masalah seperti halangan kepada lalu lintas (Bromley, 1979b; McGee, 1975).

Namun sebaliknya, di Asia Tenggara keadaannya agak berbeza. Peniaga kecil dan penjaja wujud di merata tempat dalam struktur perkhidmatan dan penjualan runcit di bandar misalnya di Malaysia, Indonesia dan Thailand. Para peniaga kecil ini dipercayai menambahkan keunikan kepada bandar berkenaan. Keadaan ini turut menjadi tarikan kepada para pelancong yang melawat ke negara-negara tersebut (McGee & Yeung, 1977a). Sebaliknya, aktiviti perniagaan sektor tidak formal masih mendapat perhatian dan galakan dari kerajaan di pelbagai peringkat pentadbiran di Malaysia. Kewujudan aktiviti perniagaan sektor tidak formal dapat membantu meningkatkan taraf hidup masyarakat berpendapatan rendah serta memberi peluang kepada kerajaan tempatan menambahkan sumber pendapatan melalui bayaran lesen, tempat meletak kenderaan dan sebagainya.

Pertambahan penduduk secara mendadak di bandar menyebabkan aktiviti perniagaan sektor tidak formal terus berkembang dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk kerana harga yang ditawarkan oleh para peniaga kecil lebih murah. Menyedari kepentingan perniagaan sektor tidak formal, pihak kerajaan telah memberi tanggungjawab kepada kerajaan tempatan untuk membangunkan sektor ini agar dapat mewujudkan pembangunan ekonomi bandar yang komprehensif. Persoalannya sekarang, apakah kerajaan tempatan telah memainkan peranannya secara berkesan dalam peningkatan taraf hidup masyarakat bandar?

1.2 Pernyataan Masalah

Aktiviti perniagaan tidak formal yang meliputi perniagaan berskala kecil seperti penjaja atau peniaga kecil menjadi agen penting dalam sistem agihan dan pemasaran barangan dan perkhidmatan dalam kalangan penduduk bandar. Kewujudan perniagaan sektor tidak formal memudahkan keperluan golongan berpendapatan rendah dipenuhi kerana para penjaja atau peniaga kecil dapat menawarkan barangan dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan. Secara tidak langsung, aktiviti perniagaan tidak formal membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam meningkatkan sumber ekonomi tempatan melalui penyewaan gerai, bayaran lesen perniagaan, denda dan sebagainya. Kewujudan perniagaan secara kecil-kecilan menjadi nadi kepada pembangunan dan perkembangan ekonomi bandar. Ia membantu menjana sumber ekonomi bandar di samping membawa faedah dan kebaikan kepada pembangunan ekonomi setempat melalui penyediaan peluang pekerjaan, penawaran barangan pada harga yang murah serta berpatutan. Namun,

masih terdapat tanggapan negatif terhadap aktiviti perniagaan tidak formal di kawasan bandar bahawa ianya telah menimbulkan pelbagai masalah kepada persekitaran bandar dan peniaga kecil akibat peletakan dan susun atur ruang perniagaan atau gerai yang tidak terancang. Bagi peniaga kecil pula, mereka menghadapi masalah dari aspek fizikal dan operasional ruang perniagaan seperti keluasan, saiz, reka bentuk dan sebagainya.

Daripada pemerhatian yang dibuat di bandar Bentong, aktiviti perniagaan di kawasan MPB didapati tiada keselarasan yang mana berlaku kekurangan ruang lantai untuk perniagaan bagi peniaga-peniaga kecil sedangkan barangan yang hendak dijual terlalu banyak seperti yang terdapat di pasar dan gerai berkunci di Jalan Besar, Karak. Keadaan ini telah menyebabkan kaki lima premis perniagaan telah dijadikan tempat meletak barangan perniagaan dan mengakibatkan kaki lima tersebut menjadi sempit. Suasana sebegini boleh menyukarkan para pembeli untuk membeli-belah di kawasan terbabit.

Terdapat beberapa pasar harian dan pasar berkala yang dibangunkan dalam kawasan MPB seperti di Pasar Bentong, Pasar Malam Desa Damai, Pasar Tani Bukit Tinggi dan sebagainya. Namun begitu, masih terdapat banyak gerai yang kosong di pasar-pasar berkenaan kerana tidak mendapat sambutan daripada para peniaga kecil. Berdasarkan kepada senarai kedudukan terkini penyewaan ruang perniagaan atau gerai MPB, didapati bahawa daripada 592 unit gerai, terdapat sebanyak 138 unit masih kosong dan tidak mendapat sebarang sambutan daripada para peniaga kecil. Ini disebabkan MPB telah membina banyak gerai untuk menjual sayur di Pasar Bentong berbanding dengan gerai untuk daging dan barang-barang lain. Keadaan ini

menyebabkan para peniaga kecil berasa tidak berpuas hati dengan tindakan MPB tersebut. Akibatnya, para peniaga kecil terpaksa menjalankan perniagaan mereka di luar kawasan pasar. Justeru, sebanyak 23.3 peratus gerai yang dibina MPB tidak mendapat sambutan daripada para peniaga kecil dan terus dibiarkan kosong (Pegawai Penilaian MPB, 15 Ogos, 2007). Ini boleh menyebabkan MPB tidak mendapat faedah kerana gerai yang kosong tidak dapat disewakan kepada mana-mana peniaga kecil dan hasrat MPB untuk mendapat hasil pendapatan daripadanya tidak kesampaian.

Selain itu, kesediaan kemudahan awam merupakan aspek yang diberi keutamaan semasa memilih lokasi perniagaan oleh seseorang peniaga kecil. Kemudahan awam yang dimaksudkan adalah seperti perhentian bas, perhentian teksi, tempat meletak kereta serta keperluan lain yang penting untuk menarik minat pengguna atau pembeli mengunjungi gerainya. Penyediaan kemudahan seperti ini akan meningkatkan tahap kebolehsampaian para pengunjung ke lokasi perniagaan. Maka, gerai yang dibina jauh dari kemudahan awam yang disebutkan tidak akan menarik minat para pembeli untuk membeli-belah di kawasan tersebut. Oleh itu, gerai yang disediakan oleh MPB berkemungkinan besar tidak dapat berfungsi dengan berkesan seperti gerai di Jalan Desa Damai, Bentong.

Kadar sewa juga menentukan sama ada sesuatu gerai mendapat sambutan atau tidak daripada para peniaga kecil. Kadar sewa yang tinggi dengan ruang lantai yang sempit sudah tentu tidak akan memenuhi keperluan para peniaga kecil. Maka, ini akan merugikan kedua-dua pihak, iaitu, MPB dan peniaga kecil. Pembaziran ruang berlaku akibat MPB menyediakan gerai yang sempit dengan kadar sewa yang

tinggi. Misalnya, keluasan 10 unit gerai di Hentian Raya Bentong adalah seluas 300 kaki persegi dengan kadar sewa RM 180 sebulan. Dengan kadar sewa yang dirasakan tinggi, para peniaga kecil didapati tidak berminat untuk menyewa dari MPB.

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, faktor lokasi menentukan prestasi sesebuah perniagaan sama ada berjaya ataupun tidak. Pada pendapat Setiausaha Persatuan Penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil Bentong, kebanyakan daripada para penjaja dan peniaga kecil melibatkan diri dalam kegiatan perniagaan produk makanan secara kecil-kecilan seperti menjual sayur, mi dan ayam. Beliau juga tidak menafikan bahawa para penjaja dan peniaga kecil ini menghadapi pelbagai masalah, isu dan cabaran dalam menjalankan kegiatan perniagaan mereka. Antara masalah yang diutarakan oleh beliau adalah lokasi dan tempat perniagaan yang tidak sesuai dan strategik kepada para peniaga kecil. Para penjaja dan peniaga kecil ini mendirikan gerai mereka berhampiran dengan kawasan sekolah. Selain itu, beberapa jalan seperti Jalan Chui Yin dijadikan lokasi bagi penjaja di waktu malam untuk menjalankan kegiatan perniagaan akibat tiada lokasi tetap disediakan oleh MPB untuk mereka berniaga.

Keadaan ini menyebabkan masalah lain seperti kesesakan lalu lintas dan kesulitan kepada pembeli kerana tempat untuk meletak kenderaan tidak mencukupi. Hal ini kerana, tempat meletak kenderaan telah dijadikan sebagai lokasi untuk menjalankan perniagaan pada waktu malam oleh para penjaja dan peniaga kecil. Pendek kata, lokasi yang strategik serta kemudahan awam yang mencukupi akan menarik ramai pelanggan dan pembeli di samping membantu mengembangkan perniagaan para peniaga kecil. Sebaliknya, lokasi perniagaan yang kurang strategik

dengan kadar sewa yang tinggi dan ruang lantai yang sempit menjadi alasan para peniaga kecil untuk tidak menyewanya dari MPB.

Berniaga di lokasi yang tidak strategik seperti gerai di Jalan Desa Damai bukan sahaja menyebabkan para peniaga kecil mengalami kerugian bahkan juga mereka tidak mampu untuk membayar kadar sewa kepada MPB. Dalam hal ini, peniaga kecil sanggup membayar sewa yang tinggi untuk mendapatkan lokasi yang strategik dan terbaik. Ini disebabkan mereka mampu menarik pelanggan dan pada masa yang sama aktiviti perniagaan mereka juga turut berkembang. Dengan itu, pendapatan serta hasil bagi para peniaga kecil juga akan bertambah. Adalah dijangkakan bahawa dengan kadar keuntungan yang tinggi, para peniaga kecil mampu membayar sewa tinggi yang dikenakan oleh MPB.

Menurut Pegawai FAMA Bentong, FAMA juga menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha menambahkan dan meluaskan lagi pasar tani di merata kawasan di negeri Pahang. Permintaan yang tinggi oleh peniaga kecil untuk melibatkan diri dalam perniagaan di pasar tani menjadi cabaran utama kepada FAMA. Ini kerana kawasan yang diperuntukkan adalah terhad dan hasrat FAMA untuk mewujudkan Pasar Tani Mega tidak dapat dicapai. Hanya pasar tani yang mempunyai peniaga kecil melebihi 80 orang akan dinaik taraf sebagai Pasar Tani Mega. Oleh itu, FAMA telah mengesyorkan kepada MPB untuk menyediakan kawasan yang sesuai bagi pasar tani tersebut diadakan. Gelagat para peniaga kecil yang menjalankan perniagaan secara separuh masa atau sementara telah menyukarkan FAMA dalam mengutip sewa tapak pasar tani. Oleh yang demikian, FAMA mengharapkan sebuah ruang perniagaan yang terbuka seperti bazar untuk mengadakan pasar tani supaya

tidak perlu menghadapi masalah tapak tidak strategik. Maka, MPB harus membina dan menyediakan lebih banyak ruang perniagaan seperti gerai untuk mengatasi masalah berkenaan. Selain itu, FAMA juga meneruskan usaha mencari tapak baru bagi mengadakan pasar tani agar masyarakat bandar Bentong khususnya golongan berpendapatan rendah boleh meningkatkan sumber pendapatan mereka.

Persatuan Penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil Bentong pula menghadapi beberapa cabaran lain terutamanya isu kebersihan. Para peniaga kecil menjalankan perniagaan di sepanjang jalan raya misalnya di Jalan Chui Yin yang dikelilingi oleh keadaan kotor dan penuh dengan sampah sarap akibat kekurangan tong sampah. Selain itu, bau longkang yang tercemar serta tidak menyenangkan peniaga kecil dan pembeli juga menimbulkan pelbagai masalah. Seterusnya, para penjaja dan peniaga kecil ini juga tidak dibekalkan dengan keperluan asas seperti bekalan air dan elektrik di lokasi perniagaan mereka. Mereka menggunakan alat jana kuasa sendiri untuk sumber elektrik dan terpaksa menggunakan bekalan air yang dibawa dari rumah. Keadaan ini menyukarkan mereka untuk menggunakan air dalam kuantiti yang banyak. Penyediaan pusat penjaja dan peniaga kecil merupakan keperluan utama bagi mereka supaya cuaca buruk seperti hujan lebat tidak menjejaskan perniagaan mereka. Hal ini disebabkan, pusat penjaja dan peniaga kecil yang dilengkapi dengan keperluan asas seperti air, elektrik dan tandas berupaya meningkatkan pendapatan mereka selain perniagaan mereka tidak dijejaskan oleh masalah cuaca.

Selain menyediakan perkhidmatan perbandaran, kerajaan tempatan juga bertanggungjawab dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di kawasan pentadbiran mereka. Keadaan ini menandakan perubahan besar daripada hanya

menumpukan kepada peranan tradisionalnya, iaitu, memberikan perkhidmatan tempatan semata-mata seperti mengutip cukai, membersihkan longkang, mengangkut sampah dan sebagainya kepada peningkatan kualiti hidup masyarakat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk melihat sejauh mana peranan kerajaan tempatan dalam aspek pembangunan dapat membantu meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat bandar di Malaysia.

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah mengenal pasti pola peniaga kecil di kawasan kajian dan penyampaian perkhidmatan serta penyediaan kemudahan berkaitan perniagaan dalam pembangunan sosioekonomi peniaga kecil terbabit. Hal ini disebabkan setiap aspek tersebut akan menjadi pemangkin dan penentu kepada perkembangan bandar serta pembangunan sosioekonomi masyarakat terutamanya para peniaga kecil di bandar berkenaan. Objektif lain termasuklah untuk menilai persepsi peniaga kecil terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan serta cadangan langkah penambahbaikan untuk MPB demi membangun sosioekonomi masyarakat dan peniaga kecil.

1.3 Objektif Kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti pola peniaga kecil di kawasan kajian.
- ii. Untuk mengenal pasti jenis perkhidmatan dan kemudahan MPB dalam pembangunan sosioekonomi dan peniaga kecil.
- iii. Untuk menilai persepsi peniaga kecil terhadap perkhidmatan dan kemudahan MPB yang disediakan.

- iv. Untuk mencadangkan langkah penambahbaikan untuk MPB demi membangun sosioekonomi masyarakat dan peniaga kecil.

1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, maka kajian ini cuba menjawab persoalan berikut:-

- i. Apakah pola peniaga kecil di bandar Bentong?
- ii. Apakah jenis perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT)?
- iii. Apakah persepsi peniaga kecil terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh MPB kepada mereka?
- iv. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh MPB dalam menambah baik masalah-masalah yang wujud supaya mewujudkan pembangunan sosioekonomi masyarakat dan peniaga kecil?

1.5 Definisi Operasional Kajian

Berikut diuraikan definisi operasi beberapa konsep utama yang digunakan dalam kajian ini:

- i. Kerajaan Tempatan

Kerajaan tempatan merupakan satu sistem pentadbiran yang berkuasa mentadbir wilayah atau kawasan yang sudah ditetapkan (Zahari Ab. Rashid,

1991). Menurut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), pihak berkuasa tempatan (PBT) bermaksud “mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan berhubungan dengan Wilayah Persekutuan ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960”. Berdasarkan Akta 171 tersebut, kerajaan tempatan juga boleh dimaksudkan sebagai pihak berkuasa tempatan yang mengurus dan mentadbir sebuah kawasan perbandaran yang telah ditetapkan.

Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, istilah kerajaan tempatan dan pihak berkuasa tempatan membawa maksud yang sama serta akan digunakan secara bersilih ganti.

ii. Ruang Perniagaan

Ruang perniagaan yang disediakan oleh PBT, dalam konteks kajian ini, iaitu, MPB, membawa maksud gerai. Gerai termasuklah mana-mana gerai berkunci, meja, stor, bangku, bangku panjang, bakul, kerusi, kayu kandar, petak peraga dinding, papan tunjuk dari apa-apa juga jenis atau apa-apa alat lain yang berkaitan dengannya sama ada mudah alih atau bukan mudah alih dan sama ada beroda atau tidak beroda, yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dijual ataupun didedahkan untuk jualan di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam (Undang-undang Kecil Penjaja, Majlis Daerah Bentong, Pahang, 1987).

Oleh itu, dalam konteks kajian ini, istilah gerai yang disediakan oleh MPB termasuklah pasar, kedai, kios, gerai buah-buahan serta gerai makanan atau minuman.

iii. Peniaga Kecil

Peniaga kecil dalam konteks kajian ini adalah penjaja. Penjaja dibahagikan kepada penjaja beredar, sementara atau statik. Penjaja beredar ialah seseorang yang dengan atau tanpa kenderaan pergi dari setempat ke setempat untuk mendedahkan, membahagi atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis.

Penjaja sementara ertinya seseorang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dipetak yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Yang Dipertua bagi apa-apa tempoh yang ditentukan oleh Yang Dipertua (Undang-undang Kecil Penjaja, Majlis Daerah Bentong, Pahang, 1987).

Penjaja statik ertinya seseorang yang mendirikan gerai di sesuatu tempat awam atau tempat persendirian dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman, atau barang-barang dari apa-apa jenis.

Dengan erti kata lain, penjaja beredar, penjaja statik dan penjaja sementara merupakan penjaja berlesen yang mempunyai ruang perniagaan

yang kekal atau tanpa ruang perniagaan kekal tetapi di lokasi yang ditetapkan oleh PBT.

Penjaja juga boleh diertikan sebagai golongan peniaga kecil kerana mereka menawarkan barang-barang untuk jualan kepada orang awam di tepi jalan, kaki-kaki lima, lorong-lorong rumah atau kawasan lain. Maka, kedua-dua istilah penjaja dan peniaga kecil dalam kajian ini membawa makna yang sama.

1.6 Kepentingan Kajian

Penemuan dan dapatan yang diperolehi daripada kajian ini diharap dapat membantu PBT dalam menilai semula penyediaan infrastruktur dan kemudahan awam seperti penyediaan ruang perniagaan, tempat meletak kereta, tempat menunggu bas dan sebagainya kepada para penduduk setempat. Kajian ini juga mempunyai beberapa kepentingan lain seperti berikut:

- i. Kajian ini dijangka dapat memberikan gambaran terkini mengenai kepentingan peranan PBT dalam penyediaan dan penyampaian perkhidmatan awam khususnya yang berkaitan ruang perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil.
- ii. Melalui dapatan kajian ini, PBT dapat merancang pembangunan sosioekonomi bandar dengan lebih berkesan demi peningkatan taraf hidup masyarakat setempat.
- iii. Kajian ini mengupas kepentingan perancangan bandar yang baik agar masalah-masalah yang wujud di bandar-bandar besar seperti peniaga kecil

tidak berlesen, peniaga kecil yang menjalankan perniagaan di kawasan larangan dan sebagainya dapat diatasi dengan berkesan.


1.7 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian yang berbentuk penerokaan (*eksploratori*) ini adalah sebagaimana berikut:

- i. Kajian ini hanya melibatkan peniaga-peniaga kecil yang berniaga di kawasan MPB. Secara khususnya, peniaga-peniaga kecil yang menyewa ruang perniagaan dari MPB akan dijadikan responden kajian untuk membantu mencapai objektif kajian ini.
- ii. Kajian ini memfokuskan kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga kecil yang meliputi aspek fizikal dan operasional ruang perniagaan seperti aspek keluasan, saiz, bilangan, reka bentuk, keselesaan penyewa ruang perniagaan dan kadar penyewaan.
- iii. Masalah dan cadangan hanyalah berdasarkan kepada kawasan MPB serta bandar Bentong dan tidak semestinya menggambarkan keadaan secara umum (*generalisasi*).

Seperti kajian-kajian lain, penyelidik telah mengenal pasti beberapa batasan yang menghadkan skop kajian, iaitu: batasan seperti kos dan kekangan masa dalam menjalankan kajian. Batasan kos dan kekangan masa menyebabkan penyelidik hanya mengkaji kawasan tadbiran MPB, khususnya bandar Bentong dan melibatkan cuma seramai 105 peniaga-peniaga kecil bagi mencapai objektif kajian ini.

1.8 Reka Bentuk Kajian



Rajah 1.1 :Reka Bentuk Kajian

Berdasarkan Rajah 1.1, kajian ini bermula dengan mengenal pasti isu dan masalah kajian daripada pembacaan, pengamatan dan pemerhatian oleh penyelidik. Kajian ini mengutarakan isu penyediaan perkhidmatan dan kemudahan perniagaan kepada peniaga kecil oleh PBT sebagai pernyataan masalah. Kemudian, penyelidik membentuk matlamat, objektif, kepentingan, skop, batasan dan reka bentuk kajian berdasarkan kepada pernyataan masalah di kawasan kajian.

Proses berikutnya merupakan kaedah mengumpul data dan maklumat yang berkaitan dengan peranan PBT dalam penyampaian dan penyediaan perkhidmatan awam, pembangunan sosioekonomi bandar dan kemudahan ruang perniagaan oleh penyelidik melalui data sekunder dan data primer.

Penyelidik mengumpul data sekunder melalui pembacaan laporan, kertas kerja dan media bercetak lain yang berkaitan dengan tajuk dan pernyataan masalah. Contoh data sekunder yang dikumpulkan ialah seperti senarai kedudukan terkini penyewaan ruang perniagaan, data dan statistik penduduk, pendapatan dan kadar kemiskinan di Bentong. Manakala, data primer pula dikumpulkan menerusi pemerhatian oleh penyelidik di kawasan kajian melalui pengedaran borang soal selidik kepada responden kajian dan temu bual bersemuka dengan pegawai-pegawai MPB dan pemimpin masyarakat di bandar Bentong. Antara contoh data primer berkaitan seperti masalah-masalah yang dihadapi oleh para responden, langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah berkenaan dan sebagainya yang telah diutarakan kepada beberapa pegawai MPB dan pemimpin masyarakat serta melalui kaedah soal selidik berbentuk struktur dan soalan campuran kepada peniaga kecil berkaitan dengan tajuk penyelidikan.

Seterusnya, penyelidik menganalisis data yang dikumpulkan secara kuantitatif dan kualitatif melalui kaedah pemerhatian, soal selidik dan temu bual bersemuka. Kaedah analisis data melalui *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* seperti taburan kekerapan digunakan oleh penyelidik untuk menganalisis data secara kuantitatif yang meliputi analisis statistik *deskriptif*. Manakala, data kualitatif dianalisis melalui kaedah analisis kandungan (*content analysis*) berdasarkan tema-

tema tertentu seperti masalah peniaga kecil berkaitan ruang perniagaan MPB dan cadangan untuk mengatasinya. Selepas data dianalisis, beberapa penemuan akan dihasilkan bagi membolehkan penyelidik membuat cadangan untuk membaiki kelemahan yang sedia ada. Proses penyelidikan ini berakhir dengan penulisan tesis oleh penyelidik.

1.9 Organisasi Tesis

Tesis kajian ini mengandungi tujuh bab. Pengkhususan setiap bab memberi keterangan yang jelas di bahagian yang seterusnya.

BAB 1. Pendahuluan merupakan bahagian pengenalan kepada tajuk kajian dan ianya menjelaskan latar belakang masalah yang dikaji. Kepentingan dan objektif kajian juga turut dinyatakan dengan terperinci dalam bab ini. Skop dan batasan kajian diterangkan secara ringkas untuk memberi gambaran mengenai ruang lingkup kajian serta aspek-aspek yang dikaji. Akhir sekali dalam bab ini adalah reka bentuk kajian yang digunakan oleh penyelidik dari awal hingga akhir kajian.

BAB 2. Sorotan Karya kajian ini lebih tertumpu kepada karya-karya yang membincangkan mengenai beberapa konsep yang berkaitan dengan pembangunan dan kerajaan tempatan serta kajian-kajian lepas yang berkenaan dengan tajuk kajian. Konsep dan definisi pembangunan turut dikupas dan dijelaskan dengan lebih terperinci. Hal ini dapat membantu dalam mengukuhkan lagi hujah yang dikemukakan dalam bab seterusnya. Beberapa kajian lepas yang berkaitan dengan

tajuk dan skop kajian ini juga dibincangkan sebagaimana objektif yang telah ditetapkan.

BAB 3. Latar Belakang Bandar Bentong, Pahang merupakan bahagian yang membincangkan mengenai latar belakang dan sejarah kerajaan tempatan di Malaysia, sistem dan fungsi kerajaan tempatan di Malaysia, latar belakang bandar Bentong, profil Majlis Perbandaran Bentong (MPB), fungsi dan peranan Majlis Perbandaran Bentong (MPB) serta kajian-kajian lepas secara keseluruhan.

BAB 4. Kaedah Penyelidikan menerangkan dengan terperinci mengenai kaedah pengumpulan maklumat dan data sama ada primer atau sekunder. Bab ini juga memperincikan mengenai pensampelan, profil responden, ujian rintis dan kaedah menganalisis data.

BAB 5. Persepsi Peniaga Kecil Terhadap MPB mengupas segala maklumat yang telah diperoleh sama ada data primer atau sekunder melalui pemerhatian, temu bual bersemuka dan soal selidik. Analisis yang dijalankan bertujuan memberikan gambaran sebenar terhadap masalah yang dikaji khususnya di kawasan MPB. Bab ini juga membincangkan hasil analisis data yang merupakan penemuan dari kajian ini.

BAB 6. Persepsi Pegawai-Pegawai MPB dan Pemimpin Masyarakat memperincikan penemuan yang diperoleh hasil daripada pemerhatian dan temu bual bersemuka yang dijalankan. Pandangan daripada pegawai-pegawai MPB dan pemimpin masyarakat diambil kira dalam mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga kecil di kawasan kajian.

BAB 7. Rumusan Penemuan Utama Kajian dan Cadangan Kajian

Lanjut mengaitkan hasil penemuan dengan realiti sebenar di kawasan kajian. Perbincangan mengenai implikasi atau hasil kajian ini ke atas pihak-pihak yang berkaitan merintis jalan bagi mengemukakan cadangan bagi membantu memperbaiki keadaan di kawasan kajian. Selain itu, beberapa cadangan tambahan juga dikemukakan dengan tujuan untuk memperkembangkan lagi kajian ini pada masa hadapan.

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan tentang sorotan karya yang membincangkan mengenai beberapa konsep serta kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini. Ianya meliputi karya yang berkaitan dengan permasalahan penyelidikan supaya idea serta hala tuju penyelidikan ini boleh diperolehi. Untuk mencapai objektif penyelidikan maka sorotan karya yang lebih terperinci dilakukan di bawah.

Sorotan karya tersebut telah dibahagikan kepada beberapa bahagian, iaitu, perbincangan mengenai konsep pembangunan, pembangunan sosioekonomi, pembangunan bandar, pembangunan sosioekonomi masyarakat bandar, Dasar Perbandaran Negara (DPN), sektor tidak formal, definisi dan konsep kerajaan tempatan, peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat bandar, peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam perancangan dan pembangunan bandar serta kajian-kajian lepas.

2.2. Definisi dan Konsep Pembangunan

Lazimnya, pembangunan boleh diklasifikasikan kepada pembangunan ekonomi, pembangunan politik, pembangunan sosial, pembangunan budaya dan pembangunan manusia. Secara umumnya, konsep pembangunan merujuk kepada segala pelaksanaan aktiviti yang dapat mempertingkatkan lagi tahap kehidupan masyarakat. Pembangunan juga boleh dianggap sebagai apa jua perubahan dan

pergerakan infrastruktur baru dan segala kemudahan awam yang dapat memajukan kehidupan masyarakat daripada tahap tradisional ke tahap yang lebih moden (Ahmad Atory Hussain, 1991, 2002). Secara ringkasnya pembangunan boleh disimpulkan sebagai satu proses dalam meningkatkan kualiti kehidupan manusia yang meliputi tiga aspek pembangunan seperti berikut:

1) meningkatkan tahap hidup manusia melalui tahap pendapatan dan penggunaan makanan, perkhidmatan perubatan, pendidikan dan sebagainya menerusi proses pertumbuhan ekonomi yang relevan,

2) mewujudkan keadaan membantu bagi pertumbuhan harga diri manusia melalui pembentukan sosial, politik, sistem ekonomi dan institusi yang akan menaikkan penghormatan dan martabat manusia. Maka, pembangunan boleh didefinisikan sebagai proses peningkatan kualiti kehidupan, termasuk penambahan dalam tingkat pendapatan dan penggunaan, taraf pemakanan, kesihatan, pelajaran, suasana yang sesuai untuk peningkatan harga diri, serta peningkatan dalam kebebasan untuk memilih bagi semua penduduk sesebuah negara dan

3) meningkatkan kebebasan manusia dengan meluaskan pilihan dengan meningkatkan kepelbagaian dalam barang-barang pengguna dan perkhidmatan (Todaro, 2000: 16-18; Foster-Carter, 1989b).

Pembangunan juga bererti kebebasan daripada segala bentuk kemunduran dan kongkongan yang berkaitan. Perkembangan infrastruktur seperti pembinaan bangunan, jalan raya, pasar raya, industri dalam sesebuah negara tanpa mempedulikan kemunduran dan kemiskinan yang dialami oleh penduduknya boleh dikatakan sebagai tidak mengalami pembangunan. Ini jelas menunjukkan pembangunan tidak semestinya merangkumi aspek pertumbuhan ekonomi sahaja.

Tambahan pula, pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KNK) per kapita, angkubah-angkubah sosial dan ekonomi seperti taraf kesihatan, taraf pemakanan, kadar kesuburan dan buta huruf menjadi konsep pembangunan. Dengan erti kata lain, pertumbuhan ekonomi dikatakan mempunyai nilai-nilai kuantitatif dan pembangunan pula mempunyai nilai-nilai kualitatif ke atas penduduk dan ia memberi kesan kepada taraf hidup serta cara hidup yang lebih digemari (Abdul Hamid Abdullah, 1978). Nilai-nilai kuantitatif adalah bersifat ekonomi seperti pendapatan negara dan guna tenaga, sementara nilai-nilai kualitatif pula bersifat bukan ekonomi seperti kemudahan perkhidmatan masyarakat. Misalnya, bilangan dan kadar guru-murid di sekolah, bilangan hospital dan kadar doktor-pesakit dan lain-lain lagi.

Pembangunan juga mesti mempunyai tiga jenis matlamat, iaitu, sosial, politik dan budaya (Foster-Carter, 1989b). Matlamat sosial mengambil kira penyediaan keperluan asas seperti makanan, perlindungan, pakaian dan sebagainya kepada penduduk bagi menentukan Indeks Kualiti Fizikal Hidup (IKFH). Maka, petunjuk sosial yang lazim digunakan untuk mengukur pembangunan sosial adalah seperti kadar kematian bayi, kadar celik huruf dan lain-lain lagi. Manakala, matlamat politik pula memberi fokus kepada keamanan dan ketenteraman sesebuah negara dengan menekankan autonomi dan kawalan ke atas nasib individu sebagai nilai politik dengan tidak mempedulikan pembangunan material. Sedangkan pembangunan budaya pula, meliputi perubahan budaya yang mendalam dalam sesebuah negara. Hal ini kerana, ia memberikan keutamaan kepada matlamat dalam pembinaan masyarakat yang berbudaya dan bukannya masyarakat yang berkonsepkan pembangunan ekonomi semata-mata.

Pembangunan merupakan satu proses yang berdimensi jamak, iaitu, pembangunan adalah bersifat ekonomi dan bukan ekonomi (Todaro, 2000). Walaupun kemajuan ekonomi merupakan komponen utama dalam pembangunan, namun ia juga melibatkan perubahan besar dalam struktur sosial, sikap masyarakat, pertumbuhan ekonomi, kemiskinan dan pengangguran. Ini jelas menunjukkan bahawa pembangunan bukan hanya fenomena ekonomi tulen di mana petunjuk-petunjuk sosial seperti kemudahan persekolahan, dan keadaan kesihatan menjadi ukuran ekonomi yang menjadi asas kepada pembangunan tetapi apa yang pentingnya ialah ia perlu mewakili perubahan menyeluruh oleh keseluruhan sistem sosial.

Kemerosotan taraf hidup penduduk negara-negara mundur seperti Somalia, Bosnia-Herzegovina, Cambodia dan sebagainya telah mengakibatkan kewujudan definisi baru bagi pembangunan ekonomi. Definisi baru bagi pembangunan adalah satu keadaan di mana kadar kemiskinan, ketidaksamaan dan pengangguran menjadi kurang dalam konteks ekonomi yang berkembang (Foster-Carter, 1989b). Maka, pembangunan boleh didefinisikan sebagai proses peningkatan kualiti kehidupan, termasuk penambahan dalam tingkat pendapatan dan penggunaan, taraf pemakanan, kesihatan, pelajaran, suasana yang sesuai untuk peningkatan harga diri, serta peningkatan dalam kebebasan untuk memilih bagi semua penduduk sesebuah negara.

Manakala, Denis Goulet (Todaro, 2000) mendefinisikan pembangunan sebagai satu proses multidimensi yang melibatkan perubahan-perubahan dalam struktur sosial, sikap masyarakat, mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan ketidaksamaan dan menghapuskan kemiskinan mutlak. Dengan erti kata lain, pembangunan mesti menunjukkan perubahan yang menyeluruh dalam